

## Sumatera Timur Laut dalam Ruang Aceh sehingga Akhir Perang Aceh\*

DANIEL PERRET

Sejak didirikannya, Kesultanan Aceh berupaya untuk menguasai sumber-sumber kekayaan yang ada di luar wilayahnya sendiri. Keadaan ini memerlukan organisasi yang dapat memaksa, atau yang diterima dengan bebas, untuk memastikan pembekalan yang teratur supaya dapat menarik peniaga-peniaga asing. Antara wilayah-wilayah pembekal, di sini kami membahaskan wilayah Sumatera Timur Laut, terutamanya Kesultanan Deli dan Serdang (serta bahagian pedalaman berdekatan dengan Danau Toba, iaitu “Tanah Karo” dan “Tanah Simalungun”). Dalam tulisan yang lain, kami telah menunjukkan bahawa di wilayah ini, masyarakat pantai dan masyarakat pedalaman saling bergantung sehingga seluruh ruang dapat dipandang sebagai ruang yang bersepadu<sup>1</sup>. Manfaat dari segi ekonomi yang didapati daripada penguasaan wilayah seperti Sumatera Timur Laut, yang kaya dengan sumber alam dan hasil pertanian itu dapat ditambahkan dengan kemungkinan lain yang menarik bagi Aceh seperti kemungkinan untuk menggunakan wilayah ini sebagai pangkalan terdepan untuk menyerang kota Melaka semasa dikuasai oleh orang Portugis, ataupun sebagai pusat untuk menyebarkan agama Islam di tengah-tengah masyarakat yang belum beragama.

Kesulitan utama ketika hendak menyelidiki sejarah hubungan antara Sumatera Timur Laut dan Aceh ialah sumber yang sedia ada itu terpecah-pecah. Maklumat sebelum awal abad ke-19 jarang didapati. Sebenarnya, para pemimpin dari tepi laut telah sentiasa menghalang pedagang asing untuk memasuki wilayah pedalaman, yang mempunyai kebanyakan barang dagangan. Oleh yang demikian, sumber-sumber Barat dari abad ke-16 dan ke-17 tidak mencatat apa-apa mengenai hal ini dan Marsden pun, pada akhir abad ke-18, masih kurang jelas. Beliau hanya menjelaskan bahawa Kerajaan Aceh tidak berkuasa “lebih daripada 40 hingga 50 kilometer di pedalaman”. Snouck Hurgronje sendiri, menyatakan bahawa semasa kejayaannya yang pendek, kesultanan ini tidak pernah menguasai daerah pedalaman bersungguh-sungguh<sup>2</sup>. Sumber Aceh sendiri jarang memuatkan maklumat tentang pentadbiran daerah pedalaman yang terdekat, apalagi tentang daerah pinggir<sup>3</sup>.

Walau bagaimanapun, sejarah Sumatera Timur Laut mengungkapkan sejumlah petunjuk yang memungkinkan kami untuk mengatakan bahawa wilayah tersebut pernah termasuk dalam ruang pengaruh Aceh, besar kemungkinan sepanjang sejarah Kesultanan Aceh. Kronologi yang kurang kukuh serta sumber yang bersifat terpecah-pecah itu tidak memungkinkan kami untuk membezakan antara masa di mana hubungan ini sangat erat dan semasa hubungan ini lemah. Oleh yang demikian, kami telah memilih untuk membahas hubungan ini menurut

pelbagai tema: ekonomi, politik, agama dan kebudayaan. Pembahagian ini memang tidak ada pada hakikatnya dan dalam kesimpulan kami akan berupaya untuk mengaitkan kesemua tema ini.

## SUMATERA TIMUR LAUT DALAM RUANG EKONOMI ACEH

### SUMBER ALAM DAN KUDA

Sejak abad pertama Masihi, Sumatera bahagian utara dikenali sebagai wilayah yang kaya akan bahan-bahan yang berasal dari hutan-hutan. Selain pelbagai jenis damar dan getah<sup>4</sup>, wilayah ini juga kaya dengan lilin lebah, gading gajah<sup>5</sup>, emas<sup>6</sup> dan minyak<sup>7</sup>. Dalam gambarannya mengenai Aru<sup>8</sup> sekitar tahun 1515, Tomé Pires mencatat bahawa daripada bahan yang berasal dari hutan dan diperdagangkan di Aru, sebahagiannya dihantar ke Pasai dan Pedir<sup>9</sup>. Wajar memikirkan bahawa sekitar sepuluh tahun kemudian, semasa Aceh mulai menguasai bahagian hujung utara pulaunya, bahan-bahan dagangan yang berasal dari Aru telah dihantar ke Aceh. Sumber-sumber bertulis tidak mencatat sebarang maklumat tentang caranya bahan-bahan ini sampai ke Aceh, tetapi besar kemungkinannya semakin banyak bahan tersebut yang dihantar ke Aceh mulai pada separuh kedua abad ke-16, terutamanya antara tahun 1564 dan 1589, semasa Aru dikuasai Kesultanan Aceh.

Di samping bahan-bahan yang berasal dari hutan dan sumber galian, kuda mungkin adalah sumber tempatan yang menarik bagi Aceh. Sebenarnya, sudah jelas bahawa kuda digunakan dalam pasukan tentera Aceh sejak paling tidak abad ke-17<sup>10</sup>. Selain itu, sumber Belanda mencatat bahawa haiwan ini telah dieksport oleh Deli<sup>11</sup> yang dikuasai Aceh pada tahun 1612. Mutu kuda-kuda ini begitu baik sehingga seekor telah dihantar oleh Panglima Deli kepada Gabenor Melaka<sup>12</sup>. *Pustaka Kembaren*, sebuah manuskrip dari zaman pra-kolonial yang berasal dari bahagian utara Danau Toba, mencatatkan bahawa pada zaman dahulu, telah ada perdagangan kuda antara dataran tinggi di utara Danau Toba dan Langkat, sebuah daerah berdekatan Aceh<sup>13</sup>. Pusat utama pembekalan hampir pasti ialah Pulau Samosir di Danau Toba, tempat ekor kuda dibeli ketika masih muda kemudian ditenak di sebelah utara dan timur danaunya. Besar kemungkinannya, perdagangan dengan Deli dan Langkat telah dimonopoli oleh para pemimpin dari dataran tinggi sebelah utara Danau Toba, kerana daerah mereka yang dilintasi jalan-jalan itu paling mudah ke pantainya<sup>14</sup>. Dalam hal itu juga, jika perdagangan sedemikian telah terjalin dengan Aceh, organisasinya belum dikenal pasti.

### ACEH, PENGGERAK PERTANIAN SETEMPAT?

Pertanyaan ini kami ajukan mengenai dua jenis tanaman yang mungkin telah dikembangkan oleh Kesultanan Aceh, ialah padi dan lada.

Sepanjang abad ke-17, hasil pertanian utama di Sumatera bahagian timur laut ialah padi. Nampaknya Deli, yang menyusuli Aru, mula-mula bertumpu pada pengembangan penanaman padi dengan membuka hutan. Hal ini terbukti melalui import besi terpakai<sup>15</sup> yang diperlukan untuk membuat peralatan yang mantap. Tidak lama setelah mulai menduduki Melaka, pada tahun 1641, orang Belanda cepat menyadari pentingnya Deli sebagai pembekal beras<sup>16</sup>. Wajar bertanya, apakah Aceh tidak campur tangan untuk mengembangkan tanaman ini? Sebenarnya, jelas bahawa sepanjang sejarahnya Kesultanan Aceh menghadapi kesulitan yang besar untuk mendapatkan bekalan beras yang mencukupi bagi penduduknya serta bagi orang asing yang singgah untuk berniaga<sup>17</sup>. Pada kenyataannya, sejak awal abad ke-16, dataran tinggi di sebelah utara Danau Toba, serta lembah sepanjang pantai itu dapat dipandang sebagai jelapang padi<sup>18</sup>, dan sebuah panduan perjalanan Portugis daripada akhir abad ke-16 mencatat Aru sebagai pembekal utama dari Nusantara bagi Kesultanan Aceh untuk bekalan makanan<sup>19</sup>. Suatu tradisi yang berasal dari bahagian barat dataran tinggi di sebelah utara Danau Toba itu mungkin merupakan penunjuk lain sehubungan ini. Sememangnya, di Kuala pada akhir abad ke-19, dipercayai bahawa penuaian padi hanya berjaya jika penduduk memberikan laluan kepada orang Aceh<sup>20</sup>. Jelas juga bahawa semasa perang Aceh yang menghadapkan orang Belanda dan orang Aceh mulai tahun 1873 hingga awal abad ke-20, kepungan pantai yang dijalankan oleh pihak kolonial itu menyebabkan peningkatan jumlah kelompok orang Aceh yang memasuki dataran tinggi di sebelah utara Danau Toba untuk mengambil beras<sup>21</sup>.

Besar kemungkinannya, Sumatera timur laut juga telah menyumbang dengan cara lain kepada perkembangan penanaman padi bagi pihak Aceh. Dalam realitinya, pengusiran penduduk Deli dalam jumlah yang banyak ke Aceh pada tahun 1612 itu mungkin bertujuan mendapatkan petani untuk menanam padi di sekitar pusat kesultanan<sup>22</sup>. Pengusiran penduduk dalam jumlah yang banyak ini mungkin merupakan tahap awal suatu “tradisi” yang dimulakan oleh Sultan Iskandar Muda dan tetap ada pada pertengahan abad ke-19, ialah kehadiran hamba-hamba yang berasal dari Sumatera timur laut di wilayah kesultanan sendiri<sup>23</sup>.

Selain perkembangan tanaman padi, terdapat juga pertanyaan mengenai peranan Aceh dalam perkembangan ladang lada di Sumatera Timur Laut.

Di separuh utara Pulau Sumatera, Pasai nampaknya adalah tempat pertama yang menghasilkan lada (pada awal abad ke-15)<sup>24</sup>. Belum ditemui maklumat untuk memperkirakan dengan tepat waktu munculnya ladang lada di pesisir timur laut Sumatera<sup>25</sup>. Baik Pires mahupun Mendes Pinto tidak mencatatkan lada sebagai bahan yang dihasilkan di daerah ini pada separuh pertama abad ke-16. Namun, sebuah sumber Portugis dari akhir abad ke-16 mengatakan bahawa lada yang dijual di Aceh itu sebahagiannya berasal dari pergunungan Aru<sup>26</sup>. Sampai tahun 1682, tidak ada *daghregister* yang mencatat bahawa lada ditanam di pesisir timur laut Sumatera. Walaupun sudah terbukti bahawa penuaian lada sama sekali tidak

merata dari semasa ke semasa, jika lada memang sudah ditanam pada masa itu, susah menjelaskan kenapa hal ini tidak dicatat oleh orang Belanda sepanjang empat puluh tahun pertama mereka memerintah di Melaka. Ketika tiba pada tahun 1860-an, pegawai-pegawai Belanda hanya mencatat bahawa suku-suku “Batak” di Sumatera bahagian utara sudah sejak bertahun-tahun hampir hanya menanam lada<sup>27</sup>.

Catatan pertama yang meyakinkan itu berasal dari abad ke-18 dalam sebuah laporan Inggeris yang menyebutkan bahawa Langkat, yang bersempadankan Aceh, menghasilkan lada<sup>28</sup>. Selain itu, menurut maklumat yang diperolehi seorang pegawai Belanda pada waktu yang sama, dua orang yang berasal dari Siak, bernama Said Amat dan Said Ali, dikatakan telah diusir dan berpindah ke Langkat, tempat mereka dipercayai menjadi kaya kerana perdagangan lada<sup>29</sup>. Menurut tradisi di kesultanan yang berdekatan dengan Aceh ini, penanaman lada telah dilakukan oleh penghijrah yang berasal dari pantai utara dan selatan Aceh sahaja<sup>30</sup>. Yang jelas, pada awal abad ke-20, masih ramai orang Aceh yang menguruskan ladang lada di sebelah utara Langkat, khususnya di sekitar Teluk Aru<sup>31</sup>. Nampaknya bukan halnya di Kesultanan Deli dan Serdang, di mana maklumat langsung terawal tentang ladang lada ini berasal dari John Anderson yang melawat daerah tersebut pada tahun 1823.

Namun, terdapat beberapa petunjuk yang memperkuat idea di mana Aceh telah berperanan dalam perkembangan tanaman lada di daerah Deli. Di dalam salasilah dan tradisi tempatan, terdapat empat orang yang meskipun tidak pasti dipandang sebagai perintis, namun setidaknya disebut-sebut sebagai pengusaha dinamik yang mengembangkan perkebunan-perkebunan lada. Dua di antaranya pernah berkunjung ke Aceh.

Yang pertama, Si Emblang Pinggol, berasal dari Barus. Beliau pergi ke Aceh, menikahi puteri seorang pembesar tempatan. Sekembalinya ke Barus, Si Emblang Pinggol melintasi dataran tinggi di utara Danau Toba. Dia membuka Kampung Barusjahe di daerah pedalaman Deli, kemudian Pertumbukan di lereng gunung di Kesultanan Serdang<sup>32</sup>. Pertumbukan adalah sebuah tempat yang kaya dengan ladang lada pada separuh kedua abad ke-19<sup>33</sup>. Si Emblang Pinggol dipercayai merupakan nenek moyang para *kejuruan* daerah kekuasaan (*urung*) Senembah. Salah satu daripadanya, dari generasi ke-6<sup>34</sup> dilantik sebagai *kejuruan* pada tahun 1862. Menurut semua petunjuk ini, maka diperkirakan Pertumbukan telah dibuka pada separuh pertama abad ke-18.

Tokoh yang kedua, Si Mbelang Cuping (“Kuping Besar”), berasal dari Osang di utara Sidikalang, sebelah barat Danau Toba. Dia melintasi dataran tinggi untuk membuka Kampung Barusjulu, dekat Barusjahe kini. Kemudian, dia memasuki daerah pedalaman Deli dan membuka Kampung Simeme, di selatan Deli Tua. Setelah menjadi kaya (kami beranggapan bahawa dia menjadi kaya kerana tanaman lada), dia pergi ke Aceh untuk mencari gelaran dan menikahi seorang Aceh. Sekembali ke Deli, beliau berkahwin dengan seorang tempatan. Mereka dikurniakan seorang anak lelaki yang kemudian menjadi *sibayak* (“bangsawan”) Barusjahe

dan nenek moyang sejumlah pemimpin *urung* Si Pitu Kuta di dataran tinggi. Di samping itu juga diketahui bahawa pada tahun 1920-an, jawatan *sibayak* Namu Suro dipegang oleh generasi ke-9 keturunan Si Mbelang Cuping<sup>35</sup>. Oleh yang demikian, diperkirakan Si Mbelang Cuping berada di Pesisir Timur Laut pada separuh pertama abad ke-18, sama dengan Si Emblang Pinggol.

#### SUMATERA TIMUR-LAUT SEBAGAI PASARAN PINGGIRAN

Di satu pihak, Aceh berupaya untuk mendapatkan dari Sumatera timur laut sumber-sumber yang diperlukan untuk berkembang. Namun di pihak lain, nampaknya permintaan ini telah menyebabkan munculnya suatu golongan orang tempatan yang cukup kaya untuk membeli barang kadangkala mewah yang berasal dari Aceh, khususnya pakaian dan senjata. Memang, beberapa sumber bertulis dari pertengahan abad ke-17 menunjukkan bahawa Aceh membekalkan Deli dengan pakaian<sup>36</sup>. Pada awal abad ke-18, Pesisir Timur Laut nampaknya tertutup bagi pedagang asing<sup>37</sup>, tetapi berkemungkinan besar penerimaan barang-barang dari Aceh masih berterusan. Contoh yang ketara, terdapat dalam tulisan Netscher, sebagai wakil pemerintah Belanda untuk pesisiran timur Sumatera pada saat itu, yang menggambarkan suasana di istana sultan Deli pada tahun 1862 sebagai berikut:

“[...] het is een eigenaardig en schilderachtig schouwspel, wanneer een paar honderd inlanders, meets in Atjehsche kleederdragten, gewapend met krissen en lange Atjehsche zwaarden met zilveren gevesten, daarin op tapijten nedergezeten zijn. [...] Bemiddelden dragen katoenen of zijden broeken van Atjehsch maksel.”<sup>38</sup>

Beliau menambahkan bahawa sebahagian daripada “keris” dan pedang bergaya Aceh tersebut telah dibuat di Deli<sup>39</sup>.

Ekspedisi-ekspedisi awal orang Barat ke pedalaman juga menunjukkan bahawa pasaran yang menerima barang yang berasal dari Aceh, bukanlah daerah pinggir pantai sahaja. Pada tahun 1852-1853, van der Tuuk melawat daerah sebelah barat daya Danau Toba, beliau mengumpulkan sejumlah istilah atau ungkapan yang berkaitan dengan barang buatan Aceh<sup>40</sup>. Pada separuh pertama abad ke-20, bahasa lisan di utara Danau Toba juga masih mengandungi istilah-istilah yang berkaitan dengan jenis pakaian atau senjata tajam buatan Aceh. Untuk kelompok pertama, contohnya ialah *padang rusak*, *seluwar*, *nipes*, dan *uis beka buluh* (dua jenis hiasan kepala daripada sutera yang sangat mahal dan dikenakan oleh para pembesar), serta *tujuh lompat*<sup>41</sup>; kelompok kedua, contohnya ialah *alamang*, *kelewang* atau *galewang*, *bawar*, *gadebang*, dan *rodos*<sup>42</sup>. Kehadiran barang-barang yang berasal dari Aceh, di pantai timur, masih ada setelah pemerintah Belanda mulai menetap di sana. Pada tahun 1883, Hagen menemui barang dagangan dan produk dari Aceh di semua pasar besar di dataran tinggi di utara Danau Toba. Pasar-pasar itu juga banyak dilawati oleh pedagang-pedagang yang datang dari utara<sup>43</sup>.

## SUMATERA TIMUR LAUT DALAM RUANG KEWANGAN ACEH

Tidak lama setelah didirikan, Kerajaan Aceh mencetak kepingan wang, baik daripada timah mahupun daripada emas, dan keadaan ini akan berterusan sehingga abad ke-18<sup>44</sup>. Sejak awal abad ke-20, sejumlah kepingan daripada emas ini, yang disebut “mas”<sup>45</sup>, telah ditemukan di pantai dan lereng Gunung daerah Deli, khususnya di Deli Tua dan sekitarnya<sup>46</sup>.

Pada tahun 1875, guru-guru tradisional yang mengajar membaca dan menulis dalam bahasa daerah masih dibayar dengan kepingan wang emas (*drahan*) yang dapat dipastikan adalah dirham dari bahagian utara Sumatera<sup>47</sup>. Pada masa yang sama, dalam adat penduduk dataran tinggi di utara Danau Toba, sajian dalam bentuk *mas* masih terdapat dalam urusan perkahwinan<sup>48</sup>. Di wilayah Simalungun, sebelah timur Danau Toba, kepingan wang emas Aceh masih berlaku di beberapa pasar pada awal abad ke-20<sup>49</sup>.

## SUMATERA TIMUR LAUT DALAM RUANG POLITIK ACEH

### MENGUASAI DAERAH PINGGIRAN PANTAI

Pada separuh pertama abad ke-16, seluruh Sumatera bahagian utara, khasnya Pesisir Timur Laut, mula menghadapi tekanan dari Kesultanan Aceh. Pada akhir tahun 1539, menurut sebuah sumber Portugis, Raja Aceh menyebut dirinya sebagai “Sultan Alaradim, Raja Achem, Baarros, Pédir, Pac‘m, daerah Daia, dan wilayah orang Batas, penguasa seluruh tanah antara laut tengah dan samudera, lombong-lombong Menancabo dan Kerajaan Aaru yang baru [...]”<sup>50</sup>.

Menurut tulisan Mendes Pinto, kita dapati bahawa wilayah yang terakhir disebut itu dikuasai pada tahun 1539 juga<sup>51</sup>, sebelum direbut oleh Johor pada tahun berikutnya, dan direbut semula oleh Aceh pada tahun 1564<sup>52</sup>. Sultan ‘Ala ad-Din Ri’ayat Syah al-Kahhar yang kemudiannya menyerahkan Kerajaan Aru kepada anaknya yang pertama, Sultan Abdullah<sup>53</sup>, yang meninggal dunia pada saat pengepungan Melaka pada tahun 1568<sup>54</sup>.

Johor merebut Aru semula pada tahun 1589 dan baru pada awal tahun 1613, Kerajaan Aru kembali jatuh dalam tangan Aceh yang saat itu diperintah oleh Sultan Iskandar Muda yang telah menakluki Deli pada tahun sebelumnya<sup>55</sup>. Peristiwa itu masih segar dalam kenang-kenangan masyarakat tempatan dalam berbagai bentuk.

Bentuk yang paling terkenal itu berupa legenda Puteri Hijau yang tersebar di pedalaman daerah Asahan, di Simalungun, di kalangan orang Karo, orang Gayo dan mungkin juga orang Alas<sup>56</sup>. Dalam versi yang dikenali di Deli, dikisahkan bahawa Sultan Aceh menghantar sebuah utusan untuk meminang Puteri Hijau, puteri Sultan Sulaiman, penguasa negeri Deli Tua. Akan tetapi, permohonan itu ditolak. Oleh kerana itu, Sultan Aceh memutuskan untuk mengetuai pasukannya untuk menyerang Deli. Setelah pertempuran ganas yang berlangsung selama 30

hari, beliau meminta salah seorang panglimanya memikirkan jalan agar musuh menyerah. Ditemui tipu muslihat itu berupa penembakan kepingan wang dengan meriam ke arah musuh. Akibatnya, pasukan Deli Tua berebut rezeki dan lupa mempertahankan kotanya<sup>57</sup>. Kemudian, sementara abang Puteri Hijau melarikan diri, adiknya berubah bentuk menjadi meriam dan memorak-perandakan pasukan Aceh. Akan tetapi, kerana semakin panas, meriam itu meledak. Pasukan musuh mengambil peluang ini untuk merebut kotanya, menculik Puteri Hijau dan membawanya dalam kapal Aceh. Ketika kapal merapati pantai Aceh, Puteri Hijau diselamatkan oleh saudaranya yang menjelma sebagai ular<sup>58</sup>.

Kisah itu juga disimpan dalam tradisi masyarakat di sejumlah tapak keramat. Sebagai contoh, di tepi Sungai Belumai (Serdang), dekat Kampung Tanjung, terdapat sebuah keramat panjang (enam sampai tujuh meter) yang dipandang penduduk setempat sebagai makam seorang panglima Aceh yang terkorban dalam pertempuran melawan pasukan Puteri Hijau. Demikian juga di Kota Jurung, di tepi Sungai Tuntungan, terdapat keramat “Tuan Bujur” atau “Tuan Nagor” yang diduga merupakan sebuah makam seorang Aceh yang terbunuh dalam pertempuran itu.


Sumber-sumber tempatan lainnya memuatkan maklumat mengenai hubungan yang lebih tenteram dengan Kesultanan Aceh. Sumber pertama ialah *Hikayat Deli*, yang besar kemungkinannya dikarang pada awal abad ke-19. Teks ini mengisahkan bagaimana seorang bernama Mohamed Dalek alias Gocah Pahlawan, yang berasal dari India, menetap di daerah yang kemudian menjadi Kesultanan Deli. Beliau digambarkan sebagai panglima utama strategi perang penaklukan Aceh di bawah pemerintahan Iskandar Muda. Menurut *Hikayat Deli*, beliau tiba dari Aceh di Percut (di pesisiran, dekat Medan sekarang) dan beberapa lama kemudiannya, menetap di Gunung Kelaus (di tepi Sungai Petani, di hulu Deli Tua)<sup>59</sup>.

Di Lantasan, sekitar tiga kilometer sebelah timur Deli Tua, di sebuah tebing di atas Sungai Percut, terdapat keramat “Nenek Moyang Sultan Deli” yang bagi segelintir orang dipercayai sebagai makam Gocah Pahlawan, sementara yang lain, menganggapnya sebagai makam seorang tokoh bernama Panglima Hitam yang berasal dari Kashmir. Dekat sana, terdapat sebuah keramat yang disebut “Kuburan Keling”, yang berupa sebuah makam sepanjang kira-kira tiga meter, diperbuat dari timbunan batu sungai, dan dipercayai sebagai makam seorang pahlawan Aceh yang berasal dari “Pakistan” sekarang. Akan tetapi, keramat-keramat tersebut tidak cukup untuk membuktikan bahawa tokoh Mohamed Dalek memang pernah ada.

*Hikayat Deli* berlanjutan dengan menyebutkan bahawa anak Gocah Pahlawan dilantik sebagai panglima oleh Aceh (“[...] mengambil ibarat dari pada Negeri Atjeh gelaran itu dinamakan Panglima, jang berkoewasa seperti Sulthan [...]”)<sup>60</sup>. Sebuah sumber Belanda menyatakan bahawa salah satu gelaran pemimpin Deli pada abad ke-17 ialah “panglima” yang pada saat itu umumnya digunakan untuk menyebut panglima-panglima Aceh yang telah menyerang

Melaka<sup>61</sup>. Sebenarnya, sebuah sumber Belanda lainnya menjelaskan bahawa pada bulan Ogos 1631, 40 kapal angkatan laut Aceh telah meninggalkan Sungai Deli untuk bergabung dengan Raja Johor dan bersama menyerang Melaka<sup>62</sup>. Pada zaman itu juga, Aceh memperoleh wilayahnya yang paling luas di sepanjang pantai. Aceh bukan hanya menguasai pesisiran barat Sumatera sampai Padang dan Pesisiran Timur sampai Deli, tetapi juga sejumlah wilayah di pesisir barat Semenanjung Tanah Melayu, khasnya Kedah dan Perak.

Pada abad berikutnya, keadaan di Pesisir Timur Laut tidak menentu. Daerah itu menjadi sasaran konflik kedaulatan antara Aceh di satu pihak dan Siak di pihak lain. Pada tahun 1781, Radermacher mencatatkan bahawa Deli berada di



Tapak-Tapak Keramat di Sumatera Timur Laut



bawah kekuasaan Aceh<sup>63</sup>. Keadaan ini disahkan oleh Marsden beberapa tahun kemudiannya, ketika menyebut bahawa sempadan Kerajaan Aceh di Pesisir Timur terletak berhampiran Sungai Batubara (di selatan Serdang)<sup>64</sup>.

Sikap tunduk yang berselang-seli itu terus berlanjutan sepanjang abad ke-19 sehingga kedatangan orang Belanda pada tahun 1862. [Pada] tahun 1814, Siak menganugerahkan gelaran “sultan” kepada penguasa Deli. Lapan tahun kemudian, ketika melawat Pesisir Timur, Anderson mengatakan bahawa Aceh tidak lagi menguasai Langkat dan Deli<sup>65</sup>. Tetapi pada tahun 1854, Sultan Deli bergelar Sultan Osman Perkasa Alam ditakluki oleh Aceh yang menghantar sebuah angkatan laut melebihi 200 buah kapal untuk menyerangnya di bawah pimpinan Pangeran Husin. Setelah itu, nampaknya sultan terpaksa menggunakan gelaran “wakil Sultan Aceh” dan menerima cap sembilan dan *bawar* (senjata tajam) dari Aceh, serta menguasai sebuah wilayah yang meliputi antara lain Tamiang dan Asahan<sup>66</sup>. Pada masa itu, diperkirakan bahawa semua pemimpin lain di Pesisir Timur terpaksa melalui Deli untuk menyampaikan segala jenis permohonan kepada Sultan Aceh<sup>67</sup>.

Tidak lama setelah lawatan Netscher ke Deli pada tahun 1862, orang Aceh muncul semula di Pesisir Timur Laut dengan sebuah tentera laut yang terdiri daripada tiga belas buah kapal. Ekpedisi ini yang bertujuan untuk menyatakan semula kekuasaan Aceh di kawasan tersebut dapat memasuki Serdang dan Asahan, tetapi tidak berjaya memasuki Deli dan Langkat disebabkan adanya kapal-kapal Belanda<sup>68</sup>. Antara petunjuk pengaruh politik Aceh di daerah pedalaman langsung berhampiran Deli, terdapat gelaran asal Aceh yang dipegang oleh para pemimpin wilayah yang disebut *urung*: “datuk” di Sunggal, Hamperan Perak dan Sukapiring<sup>69</sup>, dan gelaran “kejuruan” di Senembah dan Percut<sup>70</sup>. Zaman munculnya gelaran-gelaran tersebut di daerah itu belum dapat dipastikan. Namun demikian, jelas bahawa gelaran “tengku”, yang juga berasal dari Aceh<sup>71</sup> dan digunakan untuk menyebut keturunan sultan-sultan di Pesisir Timur Laut, tidak ada dalam *Sejarah Melayu* yang disusun pada awal abad ke-17<sup>72</sup>. Oleh yang demikian, gelaran-gelaran itu diperkirakan belum digunakan sebelum pemerintahan Iskandar Muda<sup>73</sup>.

Pada satu saat, semua daerah kekuasaan di Deli bersekutu dalam sebuah institusi bernama “Datuk Empat Suku” atau “Datuk Berempat”. Sistem yang serupa ditemui di pesisiran barat Aceh dalam bentuk *Tuha Peuet*, di suku Gayo dalam bentuk *Pojo Si Opat*, di suku Alas dalam bentuk *Raja Si Empat*, di sebelah utara Danau Toba dalam bentuk *Raja Berempat*, di Simalungun dalam bentuk *Raja Maropat* dan di selatan Danau Toba dalam bentuk *Raja Na Opat*<sup>74</sup>. Sumber-sumber tidak sepakat dalam menyebutkan saat mulai berlakunya sistem tersebut di Pesisir Timur Laut. Menurut *Hikayat Deli*, sistem *Datuk Empat Suku* baru ditubuhkan pada zaman Sultan Amaluddin Panglima Mangedar Alam pada awal abad ke-19<sup>75</sup>. Dalam salasilah pemimpin-pemimpin Deli, Sultan Amaluddin Panglima Mangedar Alam memanglah pemimpin pertama yang bergelar sultan. Di pihak lain, tradisi-tradisi mengenai penghijrahan zaman silam di sebelah utara

Danau Toba, salasilah-salasilah, serta teks *Riwayat Hamperan Perak*, yang mengisahkan sejarah keturunan wilayah kekuasaan Hamperan Perak di Deli, semuanya mengatakan bahawa nenek moyang *datuk* dan *kejuruan* itu berasal dari pedalaman. Setelah masuk Islam, pada masa tertentu, sejumlah dari keturunannya telah berhubung dengan Aceh.

Salah satu contoh ialah Guru Patimpus. Untuk sebahagian orang, tokoh ini adalah cucu “raja-pemimpin agama” Si Singamangaraja yang bersemayam di pinggir selatan Danau Toba. Untuk sebahagian lain, dia berasal dari dataran tinggi di utara Danau Toba, kemudian memeluk agama Islam setelah berhijrah ke Pesisir Timur Laut, dan menghantar kedua-dua anak terakhirnya untuk belajar di Aceh. Mereka kemudian kembali dengan nama yang dianugerahkan oleh Sultan Aceh dan bergelar panglima. Dikatakan keturunan kelima salah seorang daripadanya yang telah menjadi *datuk* pertama di Hamperan Perak. Seorang anak Guru Patimpus yang lain dikatakan beralih menganut agama Islam untuk menjadi pemimpin wilayah Sukapiring. Keturunannya yang ketiga dikatakan telah mengambil gelaran *datuk*.

Nenek moyang *datuk* Sunggal yang pertama disebutkan berasal dari dataran tinggi di utara Danau Toba. Cicitnya dikatakan menjadi orang pertama yang bergelar *datuk*. Menurut *Hikayat Deli*, saudara perempuan orang terakhir ini telah berkahwin dengan Gocah Pahlawan. Mengenai wilayah kekuasaan Senembah, telah tercatat di atas bahawa Si Emblang Pinggol dipercayai adalah bapa dari *kejuruan* yang pertama. Si Emblang Pinggol ini mula-mula pergi ke Aceh dan berkahwin dengan seorang Aceh, dan menurut pelbagai tradisi, anaknya sendiri telah dilantik menjadi *kejuruan* oleh Sultan Aceh. Selain itu, kisah penghijrahan *merga* (klen) yang bernama Barus mengatakan bahawa setelah menjadi kaya di Pesisir Timur Laut, Si Mbelang Cuping pergi ke Aceh untuk mendapat gelaran<sup>76</sup>. Akhirnya, menurut cerita penghijrahan kelompok Sembiring Kembaren, orang yang meninggalkan daerah di sebelah utara Danau Toba untuk menetap di pesisiran (berhampiran Medan sekarang) itu menyandang *cap si siwah* (surat kerajaan dengan sembilan cap). Benda ini begitu mirip dengan cap sembilan yang kemungkinannya mula digunakan di Aceh di bawah pemerintahan Iskandar Muda<sup>77</sup>.

#### KAWASAN PEDALAMAN YANG SUKAR UNTUK DIKAWAL

Walaupun petunjuk pengaruh Aceh di dataran tinggi sebelah utara Danau Toba lagi sedikit dan terpecah-pecah, namun yang ada itu sudah mencukupi untuk menyatakan kehadiran hubungan politik sejak sekian lama. Pertama-tama, menarik untuk dicatatkan bahawa dalam bahasa Aceh, “Haro” atau “Karu” bermakna “suasana bergejolak dan rusuhan di sebuah wilayah”<sup>78</sup>. Sebenarnya dalam peta-peta suku, dataran tersebut biasanya digambarkan sebagai “Tanah Karo Batak”.

Dalam teks *Riwayat Hamperan Perak*, Guru Patimpus ketika merujuk kepada Aceh mengatakan “Raja kitapun ada di sana”<sup>79</sup>. *Hikayat Aceh* yang dikarang semasa Iskandar Muda memuatkan sebuah cerita di daerah pedalaman, tempat

sultan berjumpa dengan seorang “Batak” yang menjawab dengan menggunakan ungkapan “tuan kita”<sup>80</sup>. Di selatan Danau Toba, Junghuhn memperoleh maklumat bahawa semasa kejayaan Kerajaan Aceh (awal abad ke-17), Raja Aceh telah memiliki pengaruh politik ke atas raja-raja di wilayah sebelah utara Danau Toba, dan raja-raja tersebut menghantar ufti kepadanya<sup>81</sup>. Sebagai bukti nyata tentang pengaruh Aceh di dataran tinggi di utara Danau Toba perlu dicatatkan bahawa pada akhir abad ke-19, sejumlah pembesar di dataran tinggi menggunakan sepotong kain broked dari Aceh<sup>82</sup>.

Setelah pegawai-pegawai Belanda mulai menetap di Pesisir Timur Laut, khususnya di daerah ladang tembakau di Deli pada tahun 1864, hubungan yang hampir pasti sudah lama terjalin antara wilayah di utara Danau Toba dan Aceh itu dapat dikesan secara lebih ketara. Sebenarnya, hubungan tersebut diberi perhatian khas setelah Perang Aceh meletus pada tahun 1873. Mulai saat itu, dataran tinggi dilawati ramai. Kelompok-kelompok yang datang dari utara untuk mencari sokongan atau juga membantu pihak pembangkang terhadap kuasa kolonial di sebelah selatan Danau Toba, atau pun untuk menyatakan lagi kekuasaan Aceh ke atas wilayah itu. Sejak awal perangnya, *controleur* di Deli memohon kepada pembesar yang berpengaruh di wilayah sebelah utara Danau Toba untuk mengusir kelompok yang datang dari Alas atau Aceh<sup>83</sup>. Namun, pada bulan berikutnya, suatu rombongan “utusan” Aceh yang diketuai oleh seorang Arab dengan diiringi empat belas orang lain telah menghantar pesanan kepada para tengku di Deli untuk meminta wang dan senjata, dan semuanya dapat dihantarkan kepada pembesar-pembesar Lingga dan Kabanjahe di dataran tinggi<sup>84</sup>. Nampaknya, rombongan tersebut telah mengambil peluang itu untuk melakukan “perubahan politik” dengan meningkatkan kedudukan pembesar yang bersekutu dengan Aceh dan memecat pembesar yang diperkirakan terlampau dekat dengan orang Belanda<sup>85</sup>. Kelompok yang berasal dari Aceh ini tinggal di dataran tinggi selama beberapa bulan<sup>86</sup> dan lawatannya berakhir dengan musibah, kerana tiga daripada “utusan” Aceh yang terpenting itu terbunuh sewaktu serangan hendap<sup>87</sup>. Dalam masa yang sama, seorang cucu bekas Sultan Deli, Sultan Mangedar Alam, bersama rombongannya yang terdiri dari dua belas orang telah pergi dari Aceh ke Tanah Gayo dan Alas untuk memarakkan pemberontakan rakyat melawan orang Barat yang menduduki Deli<sup>88</sup>.

Beberapa tahun kemudian, Aceh mengambil bahagian dalam persengketaan lain di Sumatera bahagian utara, iaitu konflik antara Si Singamangaraja XII dan orang Belanda. Nampaknya, sejak akhir tahun 1870-an, orang Aceh sudah sering melintasi dataran tinggi di utara Danau Toba menuju medan pertempuran di selatan danau melalui Tongging dan Pulau Samosir<sup>89</sup>. Ketika berada di dataran tinggi tahun 1883, Hagen mendengar khabar tentang suatu rombongan yang terdiri daripada lima puluh sampai enam puluh orang Aceh baharu melalui Lingga untuk pergi menyokong Si Singamangaraja<sup>90</sup>. Pada bulan April 1887, sebuah pasukan yang terdiri daripada sekitar enam puluh orang Aceh dikhabarkan berada di Pulau Samosir. Pasukan itu datang untuk membangkitkan semangat penduduk

tempatan untuk menentang Belanda. Oleh kerana khuatir kalah menghadapi Belanda, penduduk tempatan bergabung dengan orang Aceh itu dan mengusir mereka<sup>91</sup>. Pada bulan Oktober 1888, sekitar seratus orang Aceh bersenjata dikhabarkan berada di dataran tinggi. Besar kemungkinannya mereka telah dipanggil oleh salah seorang pemimpin daerah Lingga. Mereka diiringi dua orang tentera Eropah yang melarikan diri dan bertujuan untuk membangkitkan pemberontakan umum serta menyerang Deli. Pada kesempatan itu, mereka juga menuntut pembayaran denda kepada pemimpin yang enggan berpihak kepada Aceh. Pada awal tahun 1889, sebuah pasukan yang terdiri daripada tujuh puluh orang Aceh bersenjata dan tiga orang Eropah dikhabarkan sudah berada di dataran tinggi Deli. Mereka dikatakan datang untuk menawarkan bantuan kepada Si Singamangaraja XII untuk berjuang menentang pemerintah Belanda<sup>92</sup>. Pada bulan Mac 1889, tiga pucuk surat yang dihantarkan kepada pemimpin-pemimpin Aceh oleh salah seorang pemimpin daerah Lingga sudah ditahan di Pulau Pinang. Dalam surat itu, orang Aceh diajak datang bergabung dengan pemimpin di dataran tinggi untuk menyerang Deli dan membakar gudang tembakau<sup>93</sup>.

Pada masa yang sama, tiga pucuk surat yang dihantar daripada pinggiran utara Danau Toba oleh seorang Aceh bernama Tengku Mohamad Said kepada Sultan Deli, Sultan Serdang dan Pangeran Bedagai, telah ditahan oleh seorang pengintip pemerintah kolonial. Isi surat menunjukkan dengan jelas bahawa pada saat itu, Aceh masih menganggap bahawa kawasan tersebut berada di bawah pengaruhnya<sup>94</sup>.

Pada akhir abad ke-19, penduduk setempat nampaknya mengkhawatiri datangnya kelompok-kelompok dari arah utara itu<sup>95</sup>. Di dataran tinggi, penduduk takut dengan adanya tindakan kekerasan, manakala penduduk lereng gunung (Dusun) bimbang jika Belanda kalah, orang Aceh akan datang membunuh mereka, kerana telah bersepakat dengan kekuasaan kolonial<sup>96</sup>. Perlu ditekankan bahawa di wilayah tersebut, paling tidak pada masa itu, tersebar luas kepercayaan tentang kebalnya orang Aceh<sup>97</sup>. Masuknya kelompok dari Aceh ke dataran tinggi dan ke Dusun berlanjutan setidak-tidaknya sehingga tahun 1912. Alasan utama kedatangan mereka itu nampaknya ialah untuk memperoleh beras dan senjata api yang sebahagiannya datang dari pelbagai ladang di pesisiran, melalui berbagai perantara. Sementara seluruh dataran tinggi nampaknya dilawati oleh orang dari Aceh, sejumlah pembesar mengambil kesempatan ini untuk memantapkan dan meluaskan daerah kekuasaan mereka. Misalnya, terdapat pemimpin yang menggunakan “tentera bayaran” yang didatangkan dari utara. Pada tahun 1893, *sibayak* Kabanjahe, Pa Mbelgah, meminta bantuan sebuah kelompok dari Alas untuk merebut kekuasaan di sebahagian wilayah di dataran tinggi<sup>98</sup>.

Terdapat petunjuk tentang hubungan antara Aceh dan dataran tinggi yang lebih sukar untuk dikenal pasti masanya. Salah satu contohnya ialah sebuah makam Aceh berhampiran Lingga, yang dipandang sebagai keramat oleh penduduk di dataran tinggi<sup>99</sup>. Semua tradisi tempatan menjelaskan bahawa keramat itu merupakan peringatan untuk seorang tokoh Aceh, tetapi tidak ada

kesepakatan tentang ada atau tidak mayatnya di sana<sup>100</sup> dan tentang masa berlakunya peristiwa kematian ini. Menurut sejumlah tradisi, tokoh itu ialah utusan Sultan Aceh<sup>101</sup> yang datang melawan kaum pendatang Sembiring yang tiba di daerah itu mulai abad ke-17, dan yang kemudiannya menjadi mangsa pertempuran ini<sup>102</sup>. Tradisi lain menamakan tokoh itu Tengku Syekh yang datang pada separuh kedua abad ke-19. Kisah yang paling lengkap memuatkan mitos pertempuran antara roh-roh halus yang salah satu daripadanya akhirnya jatuh di Pulau Pinang. Keturunannya pergi ke Aceh dan Tengku Syekh dikatakan sebagai salah satu keturunan garis kekerabatan itu. Beliau pergi ke dataran tinggi bersama enam orang Aceh dengan tujuan memperluaskan kekuasaan dan melawat wilayah itu selama dua puluh hari untuk mengerahkan penyokong. Tindakannya tidak begitu berjaya dan sebaliknya membangkitkan kemarahan penduduk setempat yang ingin menghentikan kegiatan itu. Tetapi, sewaktu pertempuran mereka ditolak ke belakang oleh suatu kekuatan ajaib yang nampaknya terpancar dari tokoh asal utara ini. Namun, tema pembunuhannya oleh penduduk setempat ditemui dalam sejumlah tradisi<sup>103</sup>.

Nampaknya di dataran tinggi sebelah utara Danau Toba, Aceh juga telah berperanan dalam pengaktifan institusi “Raja Berempat” yang ada persamaan dengan institusi “Datuk Empat Suku” di Pesisir Timur Laut. Dalam hal ini juga, kebanyakan sumber terdiri daripada tradisi. Ini tidak memungkinkan untuk mengenal pasti masanya institusi ini ditubuhkan serta peranan Aceh yang sebenar. Di sisi lain, sudah diketahui bahawa Aceh terbahagi dalam empat *kawom* sejak dahulu lagi<sup>104</sup>. Meskipun demikian, sejumlah penulis menyatakan bahawa sistem perlembagaan tersebut didatangkan ke daerah itu oleh Kesultanan Aceh<sup>105</sup>. Sejumlah penulis lain sebaliknya menyatakan bahawa sistem ini merupakan hasil campuran adat Minangkabau dan adat Johor<sup>106</sup>.

Di dataran tinggi sebelah utara Danau Toba, sejumlah tradisi menjelaskan bahawa dahulu “pemerintahan tinggi Tanah-Tanah Karo” berada dalam tangan “wakil-wakil” Sultan Aceh, iaitu *sibayak* Lingga, *sibayak* Barusjahe, *sibayak* Suka dan *sibayak* Sarinembah yang masing-masing memiliki kekuasaan atas sejumlah *urung*<sup>107</sup>. Setelah berjaya dalam ujian yang dilakukan oleh sultan atau wakilnya (sejumlah orang memperkirakan Tengku Syekh di atas<sup>108</sup>), iaitu menunggang seekor kerbau, ke-empat-empat pembesar itu dikatakan telah menerima lambang-lambang kekuasaan, khasnya senjata tajam<sup>109</sup>. Namun, nampaknya institusi itu tidak mempunyai peranan penting dan hanya bersifat penghormatan. Sebenarnya, saat kedatangan Belanda, “Raja Berempat” sendiri tidak lebih berkuasa daripada raja-raja yang lain dan mereka jarang bertindak bersama<sup>110</sup>. Selain itu, seperti di daerah pinggiran pantai, beberapa pemimpin bergelar kejuruan<sup>111</sup>.

Terdapat petunjuk lain yang agak aneh kerana maklumat yang diberikan oleh orang setempat tidak menyokong hipotesis bahawa unsur-unsur tertentu merupakan “ciptaan budaya” khasnya orang “Batak” dan orang “Karo” khasnya. Demikian juga ketika Hagen berada di Nagaseribu, dekat Tongging, pada tahun

1883, di rumah raja yang sangat lama, dia melihat ukiran-ukiran setinggi enam kaki yang disebut “singa”. Beliau mendapat penjelasan bahawa ukiran-ukiran itu ialah hasil karya seorang seniman Aceh<sup>112</sup>.

Aceh malahan dihubungkan dengan tradisi keagamaan yang tidak ada kaitannya dengan agama Islam, seperti upacara Kampung Pakualuh di Gunung Kalaban dekat Siberaya di sebelah utara Danau Toba. Dalam upacara ini, mayat raja-raja dari *merga* Sembiring yang sebelumnya tersimpan dalam sebuah peti, dibakar. Abunya kemudiannya ditaruh dalam sampan-sampan kecil di Sungai Wampu agar dapat menuju ke kediaman roh-roh. Menurut sesetengah orang, adat yang tidak ada duanya di antara penduduk pedalaman itu, sebenarnya merupakan hukuman yang telah dijatuhkan oleh Sultan Aceh kepada *merga* tersebut<sup>113</sup>.

Daerah Simalungun juga menyimpan sejumlah tradisi tentang peranan Aceh dalam pembahagian daerahnya menjadi empat wilayah. Di sana juga “Raja Maropat” (Raja Siantar, Raja Tanah Jawa, Raja Purba, Raja Pane) dipandang sebagai wakil-wakil Aceh<sup>114</sup>. Proses ini mungkin berawal dari dua buah kerajaan, iaitu Kerajaan Nagur dan Kerajaan Si Tanggang. Terdapat perbezaan dalam sumber mengenai alasan pembahagian wilayah ini. Ada yang menjelaskan bahawa kerana berasa tidak cukup kuat untuk memerintah seluruh wilayah sendiri, Raja Nagur meminta Sultan Aceh memperlakukan peraturan pemerintahan baharu. Sumber lain mencatatkan bahawa pembahagian ini telah berlaku sebelum campur tangan Aceh yang peranannya hanya terbatas pada pemberian gelaran dan lambang kebesaran. Menurut sumber-sumber Barat, dua daripada raja tersebut masih memegang lambang-lambang itu pada zaman kolonial<sup>115</sup>. Bagi kami, kenyataan bahawa pada tahun 1930-an Raja Purba memiliki cap lama yang telah diterima daripada Sultan Aceh adalah bukti yang kukuh tentang daerah tersebut pernah termasuk dalam ruang pengaruh politik Aceh.

## PERANAN ACEH DALAM ISLAMISASI SUMATERA TIMUR LAUT

Melalui tulisan Marco Polo, kami mengetahui tentang kehadiran Islam di hujung utara Sumatera pada tahun 1291<sup>116</sup>. Maklumat ini terbukti dengan ditemuinya makam-makam Islam di wilayah ini, termasuk epitaf sultan pertama Samudra-Pasai, Malik al-Sâlih (1297), makam penggantinya al-Malik al-Zâhir (1326) serta sejumlah nisan daripada abad ke-14<sup>117</sup>. Islamisasi Pesisir Timur Laut nampaknya berlaku lebih terkemudian. Namun demikian, penempatan seperti Kota Cina mungkin telah dilawati pedagang Muslim sejak abad ke-13 M, ketika Srivijaya mengalami kemerosotan sebelum hilang.

Ma Huan, orang Tionghoa Islam yang mendampingi sida-sida Zheng He dalam ekspedisi kelautannya pada tahun 1413, menulis bahawa semua penduduk Ya-Lu (Aru) beragama Islam<sup>118</sup>. *Sejarah Melayu* menyatakan bahawa Raja Haru sudah memeluk agama Islam ketika beliau pergi ke Pulau Bintan untuk berkahwin

puteri bekas Sultan Melaka, Sultan Mahmud Syah yang mengasingkan diri setelah jatuhnya Melaka ke tangan Portugis. Menurut sumber yang sama, pasangan itu diperkirakan kembali ke Haru dengan diiringi lapan puluh bangsawan muda yang diserahkan oleh sultan<sup>119</sup>. Keberadaan seorang raja yang beragama Islam di Aru disahkan oleh Pires pada tahun 1520<sup>120</sup> dan Pinto [pada] tahun 1539<sup>121</sup>.

Setakat ini, makam Islam yang mengandungi nama yang paling kuno di daerah Pesisir Timur Laut ialah makam Imam Sadiq ibn Abdullah di Deli. Nisan bergaya Aceh ini, yang ditemui di Klambir Lima, di tepi kiri Sungai Belawan sekitar 15 kilometer dari Medan, menyebutkan bahawa beliau adalah ulama yang terkemuka dan imam terkenal yang meninggal dunia pada 23 Syaban 998 H (27-06-1590 M)<sup>122</sup>. Makam itu sekarang dinamakan keramat “Kajang Batu” dan menurut penduduk tempatan, beliau adalah salah satu tokoh yang telah mengislamkan daerah pedalaman.

Menurut *Hikayat Deli*, ketika Mohamed Dalek sampai di pesisir Deli pada separuh pertama abad ke-17, pemimpin tempatan pertama yang ditemuinya itu sudah beragama Islam dan kampungnya memiliki sebuah masjid dengan seorang imam, seorang khatib dan seorang kadi<sup>123</sup>. Dalam tradisi tempatan, para penyebar agama Islam itu umumnya digambarkan sebagai orang yang luar biasa yang memiliki kekuatan ghaib. Misalnya, orang Aceh yang dipercayai telah membuka Deli itu telah menggunakan seluruh kecerdikannya untuk mengalahkan pemuka-pemuka agama tradisional setempat, khususnya dengan berjaya menyeberangi sungai dengan cara ghaib. Untuk menghindari penduduk setempat memuja makamnya (keramat “Nenek Moyang Sultan Deli”), penggantinya (?) menambahkan sebuah makam palsu dengan tujuan untuk menjaga kemurnian ajaran agama Islam<sup>124</sup>.

Mengenai Tengku Syekh yang terkenal dan telah disebut di atas dengan keramatnya di dataran tinggi dekat Lingga, sebuah tradisi mengatakan bahawa beliau telah menyebarkan agama Islam dengan meyakinkan penduduk untuk memberikan sebahagian hasil kerja kepadanya, jika ingin meningkatkan sumber penghasilan dan penuaian mereka. Itulah sebabnya beliau menjadi keramat bagi penduduk *urung* Telu Kuru<sup>125</sup>.

Kisah-kisah yang disebarkan oleh tradisi mengenai orang Islam yang memiliki kekuatan ghaib itu barangkali berkaitan dengan kenang-kenangan akan kegiatan pemimpin-pemimpin tarekat. Kumpulan tarekat hadir di bahagian utara Sumatera paling tidak sejak abad ke-16. Petunjuknya berasal dari penyair sufi terkenal Hamzah Fansuri yang berkemungkinan besar telah hidup di Barus pada separuh kedua abad ke-15 dan awal abad berikutnya, dan menceritakan bahawa beliau adalah ahli tarekat Qadiriyyah<sup>126</sup>. Pada abad ke-17, Aceh menjadi pusat utama pengajaran Islam di Nusantara dan di sana terdapat ahli-ahli tarekat Qadiriyyah<sup>127</sup> dan Syattariyyah yang diperkenalkan antara lain oleh Abdul Rauf dari Singkel<sup>128</sup>. Sementara itu, tarekat Naqsybandiyyah mungkin telah memasuki Sumatera bahagian timur sejak separuh pertama abad ke-17<sup>129</sup>. Menurut suatu tradisi tempatan, tarekat ini telah dibawa masuk oleh seorang anak lelaki Guru Patimpus.

Dikisahkan bahawa beliau kembali dari Aceh bersama-sama Imam Sadiq ibn Abdullah (yang meninggal dunia pada tahun 1590) dan dipandang sebagai salah seorang pemimpin tarekat Naqsybandiyah<sup>130</sup>.

## KESIMPULAN

Memandangkan keadaan pengetahuan setakat ini masih terlampau awal untuk membuat kesimpulan muktamad mengenai sejarah hubungan antara Aceh dan Sumatera Timur Laut. Sebenarnya petunjuk-petunjuk yang dapat dikesan telah menimbulkan lebih banyak pertanyaan daripada jawapan. Apakah misalnya hal-hal yang terpenting bagi Aceh seperti penerimaan hasil-hasil hutan, beras dan hamba secara teratur dapat langsung dihubungkan dengan munculnya institusi “Raja Berempat” di dataran tinggi sebelah utara Danau Toba, serta “Raja Maropat” di Simalungun?

Oleh kerana Aceh menguasai sumber-sumber alam dari daerah pedalaman pantai barat (khasnya kapur barus dan kemenyan, melalui pengawasan tempat perdagangan seperti Barus dan Singkel), munculnya atau “pengaktifan semula” institusi ini dapat ditafsirkan sebagai suatu cara yang digunakan oleh kesultanan itu supaya memperoleh bekalan secara teratur berasaskan kesetiaan sejumlah pembesarnya. Strategi ini mungkin juga telah dijalankan sebagai tahap awal Islamisasi wilayah tersebut. Jika demikian, maka utusan Tengku Syekh yang termashyur itu mungkin salah satu peristiwa sahaja.

Jika memang demikian tujuan Aceh, kesultanan telah gagal dua kali. “Raja Berempat” tidak memeluk agama Islam dan martabat mereka nampaknya tidak pernah mencapai tahap yang dikehendaki. Para “Raja Maropat” dibantu sejumlah penasihat, setiausaha dan peniaga Muslim sejak awal abad ke-20 – Raja Siantar memeluk agama Islam pada tahun 1905, kemudian dipenjarakan dan diasingkan, tetapi nampaknya pada masa itu, Aceh tidak memainkan peranan apapun dalam kemajuan agama Islam di Simalungun.

Namun, peranan politik Aceh terhadap daerah-daerah jiran di sebelah utara dan timur Danau Toba tidak boleh diremehkan, kerana keselamatan kesultanan juga bergantung pada hubungan persahabatan atau kekuasaan yang terjalin dengan mereka. Utusan orang Aceh yang berturut-turut, paling tidak hingga akhir abad ke-19, di dataran tinggi sebelah utara Danau Toba untuk menyatakan semula kekuasaan politik dan hukum terhadap seluruh wilayah, terdapatnya sebuah cap asal Aceh yang dipegang oleh raja di Purba, serta sejumlah tradisi budayanya bagi kami merupakan bukti yang cukup kukuh mengenai peranan ini.

Pertanyaan mengenai peranan politik Aceh dalam munculnya Kerajaan Deli belum terjawab. Apakah pengasasnya seorang Aceh yang ditugaskan oleh Aceh untuk memastikan pembekalan beras dan keselamatan suatu daerah yang strategik? Apakah pembesar ini kemudian mencuba untuk melepaskan diri dari



kekuasaan Aceh sehingga Aceh terpaksa menghantar pasukan tenteranya? Apakah orang ini “penentang” Aceh? Demikian persekutuan yang disebut “Datuk Empat Suku” dan yang kelihatan, ketika sumber-sumber menjadi cukup terperinci, sebagai persatuan kelompok-kelompok yang menetap daerah masing-masing serta tidak mengamalkan eksogami, dapat ditafsirkan sebagai hasil kemahuan untuk membangunkan sistem perikatan, yang ahli suku-suku ini dipaksa menyalurkan seluruh atau sebahagian daripada hasil mereka kepada rakan tertentu, di sini pemimpin Deli. Dengan demikian, martabat orang ini yang berasaskan asal-usul dari Aceh, dimantapkan lagi dengan kejayaan menjalin banyak hubungan perikatan. Pada aspek manfaat ekonomi institusi persekutuan ini mungkin perlu juga ditambah suatu aspek politik kerana Aceh memerlukan askar untuk menyerang Melaka.

Apakah pendiri “Datuk Empat Suku” juga pengasas ladang lada di Deli? Apakah beliau seorang peneroka yang datang dari hujung utara pulau, seperti orang Belanda Jacob Nienhuys yang datang dari Jawa pada tahun 1863 dan berjaya mengembangkan tanaman tembakau? Atau apakah beliau seorang tempatan yang pernah duduk di Aceh dan kemudian kembali ke Deli untuk menjadi peneroka? Tidak ada tradisi tempatan yang mencatat kehadiran penanam lada yang berasal Aceh di Deli. Sebenarnya, tradisi tersebut cenderung menunjukkan bahawa orang tempatan telah berperanan penting dalam hal ini, mungkin dengan pengaruh Aceh. Tidak ada halangan untuk memikirkan bahawa Pesisir Timur Laut sudah menjadi pembekal Aceh mulai separuh kedua abad ke-16, ketika Aceh menguasai wilayah ini untuk sementara waktu. Tetapi hampir tidak mungkin perkembangan ladang lada di Deli, jika benar-benar berlaku pada abad ke-18, berasal daripada kemahuan politik Kesultanan Aceh. Sebenarnya pada masa itu, Aceh mengalami kesulitan dalaman yang parah. Sebenarnya kami lebih cenderung membacanya sebagai petunjuk bahawa Aceh tidak mampu menghentikan perkembangan suatu struktur politik yang menjadi pesaing di bidang ekonomi. Hingga kedatangan kekuasaan kolonial pada tahun 1862, nampaknya struktur ini bermain dengan kesetiaan berganda (kepada Aceh dan juga Siak) untuk tetap menikmati autonomi yang sebenar.

Namun, perlu berhati-hati sebelum membuat kesimpulan dalam hal ini. Sebenarnya, pada pertengahan abad ke-19, Aceh menunjukkan bahawa masih ada kekuatan untuk bertindak balas, ketika pasukan tentera dihantar ke Deli pada tahun 1854. Mungkin, mulai saat itu, Aceh mengambil sebahagian besar pendapatan yang diterima oleh Sultan Deli. Selain itu, cerita-cerita yang terdapat dalam tradisi mengenai orang tempatan yang pergi ke Aceh sebelum atau sesudah membuka ladang lada mungkin dapat ditafsirkan sebagai tugas yang diberikan oleh Aceh kepada mereka untuk mengembangkan tanaman lada serta menyebarkan agama Islam di Pesisiran Timur Laut. Di sebalik kegagalan Aceh untuk mengislamkan pembesar-pembesar di pedalaman, daerah pinggir pantai yang sudah disentuh agama Islam sejak awal abad ke-15 ataupun sebelumnya merupakan kawasan yang sesuai dengan pemimpin *urung* akan memeluk agama

Islam dan menjadi penggerak yang penting dalam pengislaman daerah pedalaman yang berhampiran.

“Perjanjian Sumatera” yang ditandatangani pada tahun 1871 antara Belanda dan Inggeris memungkinkan orang Belanda untuk bertindak secara bebas di seluruh pulau, termasuk di Aceh. Perang penaklukan tercetus dua tahun kemudian dan hanya berakhir di sekitar tahun 1906. Di sebelah utara Danau Toba, peperangan ini mendatangkan banyak ekspedisi tentera Belanda dan mempercepatkan penubuhan pentadbiran kolonial untuk melindungi ladang-ladang milik syarikat-syarikat Barat yang berkembang di Pesisir Timur. Perkembangan ini dibantu melalui campur tangan kolonial yang bersenjata di kesultanan-kesultanan sepanjang pantai timur mulai tahun 1862. Keadaan ini mengakhiri kesatuan ruang yang terdiri daripada Aceh dan Pesisir Timur Laut Sumatera.

#### SINGKATAN

BEFEO	Bulletin de l'École française d'Extrême-Orient
BKI	Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde van de Koninklijk Instituut
JMBRAS	Journal of the Malayan (Malaysian) Branch, Royal Asiatic Society
JSEAH	Journal of South-East Asian History
KOSI	Kroniek van de Oostkut van Sumatra Instituut
MNZ	Mededeelingen van wege het Nederlandsch Zendelinggenootschap
OV	Oudheidkundig Verslag uitgegeven door het Bataviaasch Genootschap van Kunsten en Wetenschappen
PEFEO	Publications de l'École française d'Extrême-Orient
PM	Petermann's Mittheilungen
TBG	Tijdschrift voor indische Taal-, Land- en Volkenkunde
TNAG	Tijdschrift van de Nederlandsch Aardrijkundig Genootschap
VBG	Verhandelingen van de Bataviaasch Genootschap

#### NOTA

\* Tulisan ini pertama kali diterbitkan dalam majalah *Archipel*, 48, 1994: 63-86, dengan tajuk “Sumatra Nord-Est dans l'espace acihais jusqu'à la fin de la guerre d'Aceh”. Versi dalam bahasa Melayu ini adalah terjemahan yang dihasilkan oleh penulis sendiri (EFEO Kuala Lumpur, 2011) berasaskan versi dalam bahasa Indonesia oleh Saraswati Wardhany dalam buku yang bertajuk *Kolonialisme dan Etnisitas. Batak dan Melayu di Sumatra Timur Laut*, Jakarta, KPG/EFEO/Forum Jakarta-Paris/Pusat Penelitian dan Pengembangan Arkeologi Nasional, 2010.

<sup>1</sup> Daniel Perret, “De la forêt primaire aux plantations coloniales: les deux ruptures politiques et socio-économiques de la côte est de Sumatra-Nord”, *BEFEO*, 1994: 153-179. (Nota penterjemah: lihat juga *La formation d'un Paysage Ethnique: Batak & Malais de Sumatra Nord-Est*, Paris, École française d'Extrême-Orient, 1995, dan terjemahannya dalam bahasa Indonesia bertajuk *Kolonialisme dan Etnisitas. Batak dan Melayu di Sumatra Timur Laut*, Jakarta, KPG/EFEO/Forum Jakarta-Paris/Pusat Penelitian dan Pengembangan Arkeologi Nasional, 2010).

- <sup>2</sup> C. Snouck Hurgonje, *The Achehnese* (penterjemah O'Sullivan, A.W.S.), Leiden, Brill, 1906, jil. 1: 9.
- <sup>3</sup> Denys Lombard, *Le sultanat d'Aceh au temps d'Iskandar Muda (1607-1636)*, Paris, PEFEO 61, 1967: 77 (Nota penterjemah: lihat juga terjemahannya dalam bahasa Indonesia yang bertajuk *Kerajaan Aceh Pada Zaman Iskandar Muda (1607-1636)*, Jakarta, KPG/EFEO, 2006).
- <sup>4</sup> Misalnya getah majang, getah perca dan getah rambung.
- <sup>5</sup> John Anderson, *Mission to the East Coast of Sumatra in 1823*, Edinburhg, W. Blackwood/London, T. Cadell Strand, 1826: 262, 295.
- <sup>6</sup> Terutamanya di Bohorok di bahagian pedalaman Langkat. C. de Haan, *Verslag van eene Reis in de Bataklanden*, *VBG*, 38(2), 1875: 37.
- <sup>7</sup> Di Langkat. Lihat A. de Beaulieu, *Voyages aux Indes Orientales, dans Thévenot* (éd.), *Collections de voyages*, jil. II, Paris, 1666: 99.
- <sup>8</sup> Sebagai kesimpulan, pandangan kami mengenai posisi Aru, kami beranggapan bahawa pusat wilayah kekuasaan ini telah berpindah dari Tamiang hingga muara Sungai Barumon sepanjang masanya, dari abad ke-13 hingga abad ke-17. Perbahasan yang terperinci mengenai hipotesis ini terdapat dalam Daniel Perret, *La formation d'un Paysage Ethnique: Batak & Malais de Sumatra Nord-Est* dan terjemahannya dalam bahasa Indonesia bertajuk *Kolonialisme dan Etnisitas. Batak dan Melayu di Sumatra Timur Laut*.
- <sup>9</sup> *The Suma Oriental of Tomé Pires*, A. Cortesão (ed. & penerjemah), London, Hakluyt Society, Series II, jil. 89 & 90: 148.
- <sup>10</sup> Lombard, 1967: 89.
- <sup>11</sup> *Daghregister*, 1644-1645: 125.
- <sup>12</sup> *Daghregister*, 1644-1645: 92.
- <sup>13</sup> J.H. Neumann, *Bijdrage tot de Geschiedenis der Karo-Batakstammen*, *BKI* 83 (1927): 176.
- <sup>14</sup> B. Hagen, *Rapport über eine im Dezember 1883 unternommene wissenschaftliche Reise an den Toba-See*, *TBG* 31 (1886): 355.
- <sup>15</sup> *Daghregister*, (1682) (2): 929.
- <sup>16</sup> Seseorang bernama Jooris Vermeeren yang singgah di Deli pada bulan Mei 1644 melaporkan bahawa tempat itu subur dan setiap tahunnya boleh dibeli 300 sampai 400 *last* (satu *last* = 2000 kg) beras. *Daghregister*, (1644-1645): 125.
- <sup>17</sup> Lombard, (1967): 60-61.
- <sup>18</sup> Mengenai Aru, Pires menyatakan, "The Land of Aru has plenty of rice, and very white and good in large quantities [...]" Ia menambahkan bahawa Bata juga menghasilkan padi (Pires, *The Suma Oriental*: 146 & 148).
- <sup>19</sup> J. Dos Santos Alves, *Une Ville inquiète et un Sultan barricadé: Aceh vers 1588 d'après le Roteiro das Cousas do Achem de l'évêque de Malaka*, *Archipel* 39 (1990): 105.
- <sup>20</sup> J.F. von Brenner, *Besuch bei den Kannibalen Sumatras: erste Durchquerung der unabhängigen Batak-Lande*. Würzburg, Woerl (1894) nota kaki 3: 157.
- <sup>21</sup> J.C.J. Kempees, *De tocht van Overste van Daalen door de Gajo-, Alas- en Bataklanden, 8 Februari tot 23 Juli 1904*. Amsterdam, 1905: 189; Politiek verslag/Mailrapport 1422/1907; Politiek verslag/Mailrapport 1559/1907; Politiek verslag/Mailrapport 1716/1907; Politiek verslag/Mailrapport 2060/1908; Politiek verslag/Mailrapport 115/1910; Politiek verslag/Mailrapport 434/1910; Politiek verslag/Mailrapport 732/1912. Sebuah laporan daripada tahun 1907 memberikan asal para ahli salah satu kelompok, ialah

- empat orang Alas, seorang Gajo, enam orang Aceh, dua orang Karo dan dua orang Toba.
- <sup>22</sup> Beaulieu mengatakan telah berlaku pengusiran 22,000 orang yang berasal dari Kerajaan Johor, Deli, Pahang, Kedah dan Perak ke Aceh (Beaulieu *dalam* Thévenot (ed.), 1666: 114).
- <sup>23</sup> H.N. van der Tuuk, *De pen in gal gedoopt. Brieven en documenten verzameld en toegelicht door R. Nieuwenhuis*. Amsterdam, 1962, hlm. 49. Dalam *Pustaka Kembaren* tercatat adanya perdagangan hamba antara daerah di sebelah utara Danau Toba dan Langkat, melalui Sungai Wampu (Neumann, 1927: 176).
- <sup>24</sup> *Ying-yai Sheng lan* yang bercerita tentang ekspedisi maritim China tahun 1413 merupakan sumber pertama yang menyebut tanaman lada di Pasai. J.V.G. Mills (ed. & penterjemah), *Ma Huan, Yin-yai Sheng-lan, The Overall Survey of the Ocean's Shore (1433)*, Cambridge, Hakluyt Soc, Extra series 42, Cambridge University Press, 1970: 118.
- <sup>25</sup> Di Pesisir Timur lebih ke selatan, diketahui bahawa tahun 1823 baru dilakukan percubaan penanaman lada di pedalaman Asahan (lihat Anderson, 1826: 128 & 322). Di pesisiran barat, Singkel sudah sejak awal abad ke-16 menjadi pembekal lada (lihat Pires, 1944, hlm. 163), manakala Natal baru mulai menghasilkan lada pada tahun 1810 dan mengeksport 500,000 paun tahun 1823 (lihat Christine Dobbin, *Islamic Revivalism in a Changing Peasant Economy: Central Sumatra, 1784-1847*, Copenhagen, 1983: 172).
- <sup>26</sup> Alves, 1990: 105.
- <sup>27</sup> E. Netscher, Togtes in het gebied van Riouw en Onderhoorigheden, *TBG*, 14 (1864): 345.
- <sup>28</sup> C.E. Wurtzburg, A Brief account on the several countries surrounding Prince of Wale's Island with their production. Reed. from Captain Leight in 1789, *JMBRAS*, 16: 1 (1938): 123-126.
- <sup>29</sup> Said Amat dikatakan kemudian menjadi Sultan Siak pada tahun 1795 (lihat J.J. Mendelaar, *Memorie van Overgave Padang en Bedagai*, 1930: 12-13).
- <sup>30</sup> Commissie voor het Adatrecht, Het Maleische gebied. Rechtsverhoudingen bij de pepercultuur (1913). *Adatrechtbundels X*, 1915, hlm. 253. Lihat juga W.H.M. Schadee, *Geschiedenis van Sumatra's Oostkust*, Amsterdam, van Mantgem, 1919, jil. 1: 104.
- <sup>31</sup> Tanpa nama, Aanvullingsnota van toelichting betreffende het rijk van Langkat, *TBG*, 53 (1911): 328.
- <sup>32</sup> Tengku Luckman Sinar, *Sari Sejarah Serdang*, 1986, jil. 1: 145-146.
- <sup>33</sup> B. Hagen, Eine Reise nach dem Tobah-See in Zentralsumatra, *PM*, (1883): 42-43.
- <sup>34</sup> Luckman Sinar, 1986, jil. 1: 147-150.
- <sup>35</sup> J.H. Neumann, Bijdrage tot de Geschiedenis der Karo-Batakstammen, *BKI*, 82 (1926): 9-10.
- <sup>36</sup> *Daghregister*, 1644-45: 47, 76, 125; *Daghregister* (1661): 273.
- <sup>37</sup> Memang Hamilton menyatakan tidak ada tempat di pesisir Sumatera antara Bengkalis dan Aceh yang mengizinkan adanya hubungan perdagangan dengan pedagang asing (A. Hamilton, *A new account of the East Indies*, Edinburgh, 1727, jil. 2 : 126).
- <sup>38</sup> “[...] Merupakan suatu pertunjukan tersendiri melihat di istana Sultan Deli itu berkumpul sekitar 200 orang yang duduk di atas tikar, sebahagian besar mengenakan pakaian Aceh, bersenjata keris dan pedang panjang Aceh bertangkai perak. [...] Orang-orang kaya memakai pakaian bergaya Aceh.” (Lihat Netscher, 1864: 343).

- <sup>39</sup> Lihat Netscher, 1864: 343.
- <sup>40</sup> Lihat khususnya H.N. van der Tuuk, *Bataksch-Nederduitsch Woordenboek*, Amsterdam, F. Muller, 1861: 14, 17, 33, 45, 109, 110, 115, 153, 228, 311, 326, 455, 460 & 467.
- <sup>41</sup> M. Joustra, *Karo-Bataksch woordenboek*, Leiden, E.J. Brill, 1907: 81, 150 & 197; J.H. Neumann, *Karo Batak-Nederlands woordenboek*, Medan, Varekamp & Co, 1951: 38, 58, 204, 218 & 333.
- <sup>42</sup> Joustra, 1907: 12, 47, 58, 103, 106 & 147; Neumann, 1951: 12, 37, 104 & 106.
- <sup>43</sup> Hagen, 1886: 352.
- <sup>44</sup> Lombard, 1967: 109.
- <sup>45</sup> Lombard, 1967: 106. Aceh mengeluarkan mata wang emasnya setidak-tidaknya sejak zaman Sultan Salah ad-Din (1530-1537) (lihat Teuku Ibrahim Alfian, *Mata uang emas kerajaan-kerajaan di Aceh*, Banda Aceh, Seri Penerbitan Museum Negeri Aceh no. 3, 1979: 28).
- <sup>46</sup> Dikhabarkan ditemui dua tempayan kecil berisi kepingan wang emas. Salah satunya, ditemui tahun 1902 di sebuah ladang di Deli Tua dan berisi kepingan yang berasal dari perempat terakhir abad ke-17. Artifak itu kini mungkin disimpan di salah satu muzium di Singapura. Tulisan di salah satu keping abad ke-17 itu, yang telah ditemui di sekitar Medan, menunjukkan bahawa dia berasal dari negeri Tarumun di selatan Aceh, di pesisir barat (lihat Dada Meuraxa, *Sejarah Kebudayaan Suku-Suku di Sumatra Utara*, Medan, Sasterawan, 1973: 83-84).
- <sup>47</sup> C. de Haan, 1875: 16. Dalam bahasa daerah, pembayaran itu disebut *amas*. Istilah itu juga digunakan untuk menilai denda dan perhiasan perak yang disebut *padung-padung* (Neumann, 1951: 15).
- <sup>48</sup> T. Bangun, *Manusia Batak Karo*, Jakarta, Inti Idayu Press, 1986: 129. Adat ini masih berlaku pada awal abad ke-20 (lihat Joustra, “Het leven, de zeden en gewoonten der Bataks”, *MNZ*, 46 (1902): 399).
- <sup>49</sup> R.H. Kroesen & W.D. Helderma, *Mededeelingen betreffende het landschap Panei en het Rajahgebeid*, *BKI*, 56: 569.
- <sup>50</sup> F. Mendes Pinto, *Pérégrination* (diterjemahkan daripada bahasa Portugis oleh R. Viale), Paris, la Différence 1991: 110 (edisi pertama dalam bahasa Perancis, *Les Voyages aventureux de Fernand Mendez Pinto*, B. Figuiet (ed. & penterjemah), Paris, Cotinet et Roger, 1645).
- <sup>51</sup> Idem: 101-102.
- <sup>52</sup> Idem: 113.
- <sup>53</sup> Salasilah Iskandar Muda, *dalam* Lombard, 1967 dan 2006. Diperkirakan beliau mengambil gelaran Sultan Ghorri (Lihat Kathirithamby-Wells, *Acehnese control over west Sumatra up to the treaty of Painan, 1663*, *JSEAH*, 10 :3 (1969): 457).
- <sup>54</sup> A.C. Milner, Tengku Luckman Sinar & E.E. McKinnon, A note on Aru and Kota Cina, *Indonesia*, 26 (1978): 17; B.N. Teensma, An unknown Portuguese text on Sumatra from 1582, *BKI*, 145: 2-3 (1989): 309; Mendes Pinto, 1991: 113.
- <sup>55</sup> Lombard, 1967: 91-92.
- <sup>56</sup> W. Middendorp, The administration of the outer provinces of the Netherlands Indies, dalam B. Schrieke (ed.), *The Effect of Western Influence on Native Civilisations in the Malay Archipelago*, Batavia, Royal Batavia Society of Arts and Sciences, 1929: 158. Bagi sejumlah orang, legenda itu berkaitan dengan pertempuran tahun 1539 atau 1564.
- <sup>57</sup> Terdapat sebuah versi lain yang mengisahkan bahawa pasukan Aceh tidak dapat merebut kota Deli Tua, kerana kota itu dikelilingi benteng bambu berduri (aur berduri).

- Oleh kerana itu, pasukan Aceh menyebarkan kepingan wang dirham ke semak-semak bambu dan bersembunyi. Melihat kepingan emas di semak-semak itu, maka penduduk Deli Tua memotong batang-batang bambu, sehingga pasukan Aceh dapat menyerang mereka semula dan menculik Puteri Hijau (lihat D. Meuraxa, *Keradjaan Melayu Purba*, Medan, Kalidasa, 1971: 75; Brahma Putro, *Karo dari Jaman ke Jaman*, Medan, Yayasan Massa, Jil. 1, 1981: 232). Muslihat yang sama muncul dalam kisah-kisah pengepungan tentera lain di Asia Tenggara; lihat A. Migot, *Les Khmers – Des origines d’Angkor au Cambodge d’aujourd’hui*, Paris, Le Livre contemporain, 1960: 227-228 dan Khin Sok, *Les Chroniques royales du Cambodge (de Bana Yat jusqu’à la prise de Lanvaek)*, PhD, Université Paris-IV, 1975: 375, 378-382 & 419, mengenai perebutan Lovêk, ibu kota Kumboja, oleh pasukan Siam tahun 1593-1594. Lihat juga P.B. Lafont, *Aperçus sur le Laos*, Saïgon, Comité de l’Alliance Française du Laos, 1959: 28, mengenai perebutan Phay Nam (Vientiane) di Laos, oleh Fa Ngum pada pertengahan abad ke-14 M.
- <sup>58</sup> A. Rahman (ed.), *Sj’air Puteri Hidjau*, Jakarta, Balai Pustaka, 1955 (ed. pertama, 1924). Di Deli Tua, di kaki kota, terdapat keramat “Pancuran Gading” yang oleh penduduk tempatan dipandang sebagai tempat mandi Puteri Hijau. Selain itu, juga terdapat sebuah keramat Puteri Hijau di Medan.
- <sup>59</sup> *Hikayat Deli*, hlm. 180. Tidak semua tradisi tempatan menjelaskan asal-usulnya yang begitu tinggi pada garis keturunan Sultan Deli. Maka, sebuah versi kisah Puteri Hijau menyebut tentang hilangnya garis pertama yang kemudian dikatakan diambil oleh seorang hamba dari sultan terakhir dari garis pertama tersebut (M. Joustra, “Iets over Bataksche literatuur”, *MNZ*, 47 (1903): 162-165).
- <sup>60</sup> *Hikayat Deli*, hlm. 192.
- <sup>61</sup> *Daghregister*, 1644; A.C. Milner, *Kerajaan. Malay Political Culture on the Eve of Colonial Rule*, Tucson, The University of Arizona Press, 1982: 80, catatan 32: 148.
- <sup>62</sup> *Daghregister*, 08/1631.
- <sup>63</sup> J.C.M. Radermacher, *Beschrijving van het eiland Sumatra... VBG 3* (1781): 6.
- <sup>64</sup> W. Marsden, *Histoire de Sumatra*, Paris, 1788, jil. 2: 218 (ed. pertama dalam bahasa Inggeris, tahun 1783).
- <sup>65</sup> J. Anderson, *Acheen and the ports on the north and east coast of Sumatra*, London, 1840: 22.
- <sup>66</sup> Schadee, 1919, jil. 1: 105.
- <sup>67</sup> S. van der Plas, *Memorie van Overgave Deli-Serdang*, 1913: 59.
- <sup>68</sup> T. Luckman Sinar, “The Impact of Dutch Colonialism on the Malay Coastal States on the East Coast of Sumatra during the 19th century”, dalam *Papers of the Dutch-Indonesian Historical Conference held at Noordwijkerhout*, The Netherlands, 19 to 22 May 1976, Leiden/Jakarta, 1978: 182.
- <sup>69</sup> Tengku M. Lah Husny, *Lintasan sejarah peradaban dan budaya penduduk Melayu Pesisir Deli Sumatra Timur (1612-1950)*. Jakarta: Dep. Pend. dan Keb., 1978: 201.
- <sup>70</sup> S. van der Plas, *Memorie van Overgave Deli-Serdang*, 1910: 22. Dalam bahasa Aceh, *keudjroëen* ialah gelaran pemimpin wilayah di bawah kekuasaan Kesultanan Aceh (H. Djajadiningrat, *Atjehsch-Nederlandsch Woordenboek*, Batavia, 1934, jil. 1: 693).
- <sup>71</sup> Di Pesisir Timur Laut, “tengku” ialah sebuah gelaran politik, manakala di Aceh, gelaran itu diberikan kepada ulama. Di Aceh, keturunan raja menyandang gelaran “teuku” (lihat Zahari, *Peradaban Bangsa Melaju*, Medan, Persekutuan Penerbitan Deliana, 1945: 43).

- <sup>72</sup> Tidak dapat dipastikan bahawa gelaran ini telah digunakan oleh penguasa-penguasa Melaka. Sebaliknya, pada saat runtuhnya dinasti sekitar tahun 1700, anak-anak Sultan Johor yang baru mengambil gelaran itu bagi menggantikan gelaran “raja” (R.J. Wilkinson, *A Malay-English Dictionary (romanised)*, London, McMillan & Co, 1957, jil. 1: 306; jil. 2: 1203 (ed. pertama, 1932)).
- <sup>73</sup> Perlu ditekankan bahawa dalam *Hikayat Deli*, ketika Mohamed Dalek tiba di Percut Sungai Lalang, seorang yang bergelar Tengku *Kejuruan* Hitam mengetuai sebuah negeri yang juga memiliki sejumlah *datuk* (lihat *Hikayat Deli*: 167, 170, 172 & 178). Apakah hal itu merupakan pemindahan ke dalam masa lalu “pra-Aceh” sebuah keadaan yang berlaku setelah pemberlakuan gelaran-gelaran asal Aceh, atau berkaitan dengan orang Aceh yang mungkin datang mendahului Mohamed Dalek, ataupun berhubungan dengan orang setempat yang dilantik oleh Kesultanan Aceh? Pertanyaan ini sukar untuk dijawab.
- <sup>74</sup> Husny, 1978: 92.
- <sup>75</sup> “Maka adapoen soekoe-soekoe jang empat di dalam Negeri Deli, pertama itoelah Kedjoeroean Senembah, jang kedoea Serbanjaman jaitoe Soenggal itoelah Oeloen Djandji, jang ketiga Doea Belas Kota, jang ke ampat Soekapiring, maka pada masa Sulthan Mangedar Alam itoelah masa waktoe digelar Datoeq Datoeq jang bersoekoe tadi; digelarlah jang dinamakan ampat soekoe itoelah djadi tiang Keradjaan.” (*Hikayat Deli*: 195).
- <sup>76</sup> J.H. Neumann, 1926: 10.
- <sup>77</sup> Lihat Lombard, 1967: 78-79.
- <sup>78</sup> Djajadiningrat, 1934, jil. 1: 570 & 672.
- <sup>79</sup> B.S. Simanjuntak, *Sejarah Batak*, Balige, K. Sianapar, 1977: 218.
- <sup>80</sup> Lombard, 1967: 63.
- <sup>81</sup> F. Junghuhn, *Die Battaländer auf Sumatra*, Berlin, G. Reimer, 1847, jil. 1: 286.
- <sup>82</sup> Brenner, 1894: 273.
- <sup>83</sup> *Mailrapport* 687/1873.
- <sup>84</sup> *Mailrapport* 113/1874; *Mailrapport* 152/1874; *Mailrapport* 179/1874.
- <sup>85</sup> *Mailrapport* 226/1874.
- <sup>86</sup> Hoos, *Memorie van Overgave Sumatra Oostkust*, 1886: 18.
- <sup>87</sup> Ass. Res. Halewijn kepada Res. S.O.K. 30/04/1874. Geh. en Kab. E24/1874; Res. Locker de Bruin kepada GJ 06/06/1874, Geh. en Kab. E24/1874.
- <sup>88</sup> *Mailrapport* 179/1874.
- <sup>89</sup> Diperkirakan bahawa sebelum terpecahnya permusuhan tahun 1877, Si Singamangaraja XII telah pergi ke Aceh (Hagen, 1886: 352).
- <sup>90</sup> Hagen, 1886: 352.
- <sup>91</sup> Brenner, 1894: 129.
- <sup>92</sup> *Mailrapport* 107/1889.
- <sup>93</sup> *Mailrapport* 244/1889.
- <sup>94</sup> *Mailrapport* 96/1889.
- <sup>95</sup> J.K. Wijngaarden, De Zending onder de Karau-Bataks, *MNZ*, 37 (1893): 399. Lihat juga C.J. Westenbergh, Verslag van eener reis naar de onafhankelijke Bataklanden ten noorden van het Tobameer, *TNAG* (1897) 14: 57, 64.
- <sup>96</sup> J. Claine, Un an en Malaisie. Deli et les Bataks-Karo de Sumatra, *Le Tour du Monde*, LXIII (1640), 1894: 372; Wijngaarden, De zending onder de Karau-Bataks (Deli), *MNZ* 38 (1894): 78.

<sup>97</sup> *Mailrapport* 768/1888.

<sup>98</sup> J.K. Wijngaarden, Verslag omtrent de zending onder de Karau-Bataks over 1893, *MNZ* 38 (1894): 140-141.

<sup>99</sup> Makam itu digambarkan demikian oleh Freiherr von Brenner: "Das 'Atschinesengrab' ist ein niederes, in einem kleinen Garten gelegenes Steingebäude, dessen Mauern sich kaum 2 Fuss über den Boden erheben und das ein batakisches Dach deckt. Im Innern ist weisse Leinwand gespannt. Das eigentliche Grab kennzeichnen zwei in der Längsachse des Baues einander gegenüberstehende Steinsäulen, welche Kopf- und Fuss-Enden bezeichnen und mit turbanartigen, gerippten Knaufen am oberen Abschlusse versehen sind – eine echt mohammedanische Grabstätte." (Brenner, 1894: 271).

(" 'Kuburan Aceh' yang terletak di sebuah dusun kecil merupakan sebuah monumen dari batu dengan tembok setinggi tidak lebih daripada dua kaki dari tanah dan memiliki sebuah atap bergaya Batak. Selembur kain putih tergantung di dalamnya. Makam itu sendiri ditandai dengan dua nisan yang berhadapan pada arah memanjang dari monumen dan yang melambangkan kepala dan kaki. Bahagian atasnya yang berbentuk serban menandakan bahawa itu benar-benar sebuah makam Islam.") Mubaligh Kruijt yang melawat tempat itu pada tahun 1891, mengatakan bahawa berdekatan kuburan ini terdapat sebuah rumah kecil bergaya "Batak" dan sebuah bendera putih di atas sebatang tongkat. Rumah itu ialah sebuah *balei*, tempat berkumpul "pemimpin-pemimpin Batak" (lihat H.C. Kruijt, Bezoekreis op het plateau van Deli (Karo-land), *MNZ* 35 (1891): 382).

<sup>100</sup> Terdapat anggapan bahawa mayatnya tidak berada di kuburan ini, tetapi di Sukanalu, di kaki Gunung Sinabung (lihat Brenner, 1894: 271).

<sup>101</sup> Brenner, 1894, nota kaki 3:157; Neumann, 1926: 25-26; Neumann juga mencatat nama tempat itu sebagai "beré-berén Tengku Atjih" (Neumann, 1951: 30); Brahma Putro, 1981: 226; Darwan Prinst & Darwin Prinst, *Sejarah dan Kebudayaan Karo*, t.t., Yrama, [1985]: 175.

<sup>102</sup> Neumann, 1926: 25-26.

<sup>103</sup> Brenner, 1894: 271; Meuraxa, 1971: 74; Simanjuntak, 1977: 129; Darwan Prinst & Darwin Prinst, 1985: 175.

<sup>104</sup> Menurut tradisi, pembahagian dalam *kawom* itu berasal dari pertengahan abad ke-16 (K.F.H. van Langen, De inrichting van het Atjehsche staatbestuur onder het Sultanaat, *BKI* 37 (1888) :387). Menurut sebuah sumber bertulis, sebuah sistem pembahagian lain di Kerajaan Aceh terdiri dari tiga wilayah (*sagoë*) dengan masing-masing 22, 26, dan 35 mukim. Sistem ini diperkirakan muncul antara tahun 1676 dan 1678 (H. Millies, *Recherches sur les Monnaies des Indigènes de l'Archipel indien et de la Péninsule malaie*. 's-Gravenhage: M. Nijhoff, 1871: 92).

<sup>105</sup> C.J. Westenberg, Nota over de onafhankelijke Bataklanden, *TBG*, 34 (1891): 107; J.A. Kroesen, Mededeelingen betreffende 6 Karo-landschappen, *BKI* 63 (1909): 510; Neumann, 1926: 27 & 34; Brahma Putro, 1981: 100. Alasan Joustra ialah bahawa sistem perlembagaan tersebut tidak berasaskan adat asli (lihat Joustra, *Batakspiegel*, Leiden, S.C. van Doesburgh, Uitgave van het Bataksch Instituut no 3, 1910: 196).

<sup>106</sup> Kroniek van de Oostkut van Sumatra Instituut, 1916: 21.

<sup>107</sup> Westenberg, 1897: 66.

<sup>108</sup> Lihat Simanjuntak, 1977: 132.

<sup>109</sup> E.J. van den Berg, *Memorie van Overgave Karolanden*, 1934:36-37; Meuraxa, 1971: 72-73; Brahma Putro, 1981: 209; Darwan Prinst & Darwin Prinst, 1985: 18.



- <sup>110</sup> Westenberg, 1891: 108; Kroesen, 1909: 511; Joustra, 1910: 196; R. von Heine-Geldern, *Le pays de P'i-k'ien, le roi au grand cou et le Singa Mangaradja*, *BEFEO* 49: 2 (1959): 376.
- <sup>111</sup> Khasnya di Betumbulan dan di Juhar (Westenberg, 1891: 110).
- <sup>112</sup> Hagen, 1886: 351.
- <sup>113</sup> Hagen, *Beiträge zur Kenntnis der Battareligion*, *TBG*, 28 (1883): 524.
- <sup>114</sup> Dijk, 1894: 171-172; Westenberg, *Bataksche rijkes Dolok en Purba*, *TNAG* 22 (1905): 581; Schadee, *De uitbreiding van ons gezag in de Bataklanden*, Amsterdam, 1920: 18, catatan 1.
- <sup>115</sup> Kroesen & Helderman, 1904: 558-559. J. De Ridder, *Memorie van Overgave Serdang*, 1933: 48.
- <sup>116</sup> L. Hambis (ed.), *Marco Polo. La Description du Monde*, Paris, Klincksieck, 1955: 243.
- <sup>117</sup> D. Lombard, *Le carrefour javanais. Essai d'histoire globale*, Paris, EHESS, jil. II: 34 (terj. Indonesia: *Nusa Jawa: Silang Budaya*, Jakarta, Gramedia Pustaka Utama/EFEQ/Forum Jakarta-Paris, 1996). Catatan penterjemah: satu penelitian terbaru mengenai sejarah Pasai berdasarkan inskripsi pada makam-makam kuno, khususnya dari daerah Lohkseumawe, dihasilkan oleh C. Guillot & L. Kalus (*Les Monuments Funéraires et l'Histoire du Sultanat de Pasai à Sumatra*, Paris, Association Archipel, Cahier d'Archipel 37, 2008).
- <sup>118</sup> J.V.G. Mills (ed. & penterjemah), 1970: 115.
- <sup>119</sup> C.C. Brown, *Sejarah Melayu or "Malay Annals": a Translation of Raffles Ms 18 (in the Library of the R.A.S. London) with commentary*. Kuala Lumpur: Oxford University Press (ed. pertama, 1970; terbitan pertama dalam *JMBRAS* 25: 2-3 (1952), 1983: 179-182).
- <sup>120</sup> Pires, 1944: 147.
- <sup>121</sup> Mendes Pinto, 1991: 87.
- <sup>122</sup> J.P. Moquette, De Graafsteen van Kloempang (Deli), *OV* 2-3 (1922): 70-71.
- <sup>123</sup> *Hikayat Deli*: 167, 174, 177 & 178.
- <sup>124</sup> Tengku Zikry, wawancara, 1991.
- <sup>125</sup> Simanjuntak, 1977: 129.
- <sup>126</sup> D. Lombard, 1990, jil. II : 119. Nota penterjemah: Teks inskripsi batu nisan makam Hamzah Fansuri, yang meninggal dunia di Mekah, ditemui semula beberapa tahun yang lepas. Tentang penemuan ini dan implikasinya, lihat C. Guillot & L. Kalus, "La stèle funéraire de Hamzah Fansuri", *Archipel* 60 (2000): 3-24 (terjemahan dalam bahasa Indonesia: "Batu Nisan Hamzah Fansuri", Jakarta, Departemen Kebudayaan dan Pariwisata/École française d'Extrême-Orient, 2007; juga dalam *Inskripsi Islam Tertua di Indonesia*, Jakarta, EFEQ/KPG-Kepustakaan Populer Gramedia, 2008: 71-95. Terjemahan dalam bahasa Melayu terdapat dalam *Jurnal Terjemahan Alam & Tamadun Melayu* 1, 2009: 27-49).
- <sup>127</sup> M. van Bruinessen, *The Origins and Development of the Naqshbandi Order in Indonesia*, *Der Islam*, 67:1 (1990): 157.
- <sup>128</sup> Lombard, 1990, jil. 2: 120.
- <sup>129</sup> Dobbin, 1983: 123.
- <sup>130</sup> H.A. Fuad Said, *Syekh Abd. Wahab, Tuan Guru Babussalam*, Medan, Pustaka Babussalam, 1988: 51.

